

# Mengurus data bernilai

## Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

**P**ada hari ini, teknologi Big Data menyebabkan terdapat banyak lambakan data dan maklumat. Bagaimana untuk menguruskannya dan dapatkan hanya data yang bernilai atau diperlukan sahaja?

**-Kay, Cyberjaya.**

Salah satu cabaran utama bekerja dengan data ialah maklumat yang biasanya datang daripada pelbagai sumber dan menetap di tempat-tempat yang berbeza yang dikenali pada masa kini sebagai teknologi data raya atau *big data*. Sebagai contoh, bagi mendapatkan gambaran penuh berkenaan data seseorang pekerja, perlu mempunyai capaian kepada data daripada pelbagai sumber.

Campuran pelbagai data ini perlu dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk yang jelas dan mudah untuk difahami yang seterusnya memudahkan sesuatu keputusan dibuat. Implementasi visualisasi dan analisis data yang berkesan berupaya menawarkan pengguna dengan capaian penuh kepada sesuatu data tersebut merentasi sumber dan lokasinya. Organisasi yang memberi kebenaran kepada pekerjaanya mencapai data yang betul dan diperlukan daripada pelbagai sumber, membolehkan pekerjaanya menjadi lebih cekap, bertanggung jawab dan berkesan dalam peranan masing-masing.

Seterusnya diberi sedikit panduan dalam mengurus data raya ini.

**1** Dapatkan, gabungkan dan buat analisis bagi kesemua data yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Melihat hasil analisis data ini secara keseluruhan dan lebih terperinci setiapnya.

**2** Dapatkan ramuan, indikator dan ukuran yang betul, tepat dan berguna berkaitan dengan sesuatu data. Perkara ini penting sekiranya data tersebut diperlukan dalam membuat sesuatu keputusan.

**3** Kunci utama dalam menganalisis data yang perlbagai atau data raya ini adalah bentuk persembahannya yang ringkas, padat dan mudah difahami. Teknik infografik atau visualisasi berupaya untuk melakukannya.

**4** Sifat data pada masa kini yang bersifat mudah alih dan fleksibel memerlukan data juga dianalisis secara mudah alih, fleksibel dan dalam masa nyata.

Perkara penting dalam pembuatan keputusan yang dipandu oleh keperluan data adalah keupayaan untuk melihat dan memahami data pada kelajuan pemikiran seseorang. Kerjasama pembuat keputusan yang datang daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman memacu pembuatan keputusan berasaskan data. Seterusnya hasil analisis data akan bertukar menjadi pandangan ke dalam tindakan dan memberi inspirasi kepada inovasi sebenar.